

Headline	Sarawak lakar sejarah tersendiri		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	07 Jul 2013	Language	Malay
Circulation	29,826	Readership	97,836
Section	Sukan	Color	Black/white
Page No	11	ArticleSize	374 cm ²
AdValue	RM 771	PR Value	RM 2,313



BOLA SEPAK

Sarawak lakar sejarah tersendiri

KUALA LUMPUR: Sarawak mencipta sejarah tersendiri dalam arena bola sepak tempatan apabila mengekalkan rekod tanpa kalah sepanjang 22 perlawanan dalam saingan Liga Perdana 2013 musim ini.

Pada perlawanan terakhir Jumaat lalu, skuad bimbingan Roberts Alberts itu mengalahkan Sabah 2-1 di Stadium Likas, Kota Kinabalu.

Pencapaian tersebut merupakan kemenangan ke-18 buat skuad Bumi Kenyalang itu dan seri dalam empat perlawanan.

Pasukan itu merangkul gelaran juara liga musim ini pada 24 Jun lepas dan diangkat ke Liga Super musim depan.

Bobby Gonzales muncul wira pasukan pada perlawanan penutup musim apabila menjaringkan gol kemenangan Sarawak pada minit ke-45 selepas Mohd Fazlidin Khalid menyamakan kedudukan Sabah pada minit ke-36.

Gol pembukaan dihasilkan oleh Muamer Salibasic pada minit ke-29.

Naib juara liga, Sime Darby FC, yang turut beraksi pada Liga Super musim depan, menamatkan kempen Liga Perdana dengan mengalahkan Pos Malaysia FC 2-0 di Stadium Majlis Perbandaran Selayang sini.

Mohd Fazrul Hazli Mohd Kadri muncul wira skuad bimbingan Ismail Zakaria itu dengan menjaringkan kedua-dua gol masing-masing pada minit ke-40 dan 80.

Di Stadium Mini Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, pasukan Johor FA mengaibkan Perlis 4-0.

Johor FA menjaringkan dua gol pada setiap babak menerusi Khairul Azhar Eidros pada minit keempat, Mohd Ezaidy Khadar (29'), Ezequiel Gallegos (72') dan Mohd Shaofiq Mohd Kusaini pada minit ke-83.

Di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur Cheras, penyerang import dari Croatia, Alen Guc menjaringkan gol tunggal pada minit ke-12 untuk membantu Kedah mengatasi Kuala Lumpur 1-0.

Dalam dua lagi perlawanan, Polis mengalahkan S.P.A. Putrajaya 1-0 di Stadium UiTM, Shah Alam manala UiTM FC

menewaskan NS Betaria FC dengan jaringan sama di Stadium Hang Jebat, Melaka.

Sementara itu, Jurulatih Sime Darby FC, Ismail Zakaria menyasarkan pasukan bimbingannya mampu melepasi peringkat kumpulan Piala Malaysia yang dijangka bermula selepas Aidilfitri pada Ogos ini.

Katanya, sasaran itu adalah realistik berdasarkan persembahan cemerlang anak didiknya yang berjaya muncul naib juara Liga Perdana 2013 di belakang Sarawak.

"Kita juga sedang mengintai aksi beberapa pemain daripada Liga Super untuk memperkuat pasukan bagi menghadapi kempen Piala Malaysia," katanya

kepada pemberita selepas pasukan itu mengalahkan Pos Malaysia FC 2-0 di Stadium Majlis Perbandaran Selayang (MPS), dekat sini, Jumaat lalu.

Menyentuh mengenai pencapaian wakil kelab berkenaan dalam saingan Liga Perdana musim ini, Ismail berkata beliau tetap berpuashati dengan persembahan cemerlang anak didiknya yang berjaya menempuh slot beraksi dalam Liga Super pada musim hadapan.

"Walaupun kita kalah dalam perebutan kejuaraan Liga Perdana musim ini dengan Sarawak namun saya berpuas hati dengan pencapaian ini," katanya.

Berkongsi pandangan yang sama ialah kapten Sime Darby FC, Juzaili Samion yang mahu rakan sepasukan mengekalkan rentak kecemerlangan mereka dalam saingan Piala Malaysia musim ini.

"Saya gembira kerana impian tersebut tercapai...Ini semua berkat usaha rakan sepasukan yang dianggotai pemain muda dan lama serta penguasaan kelab," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Kehormat kelab berkenaan, Zainal Amat berkata bahawa mereka sedang mengenalpasti beberapa pemain daripada pasukan Liga Super untuk memperkuat wakil kelab tersebut bagi memastikan mereka mampu bersaing dalam liga utama bola sepak tempatan itu.

"Sudah tentu saingan Liga Perdana dan Liga Super sangat berbeza...jadi kita

Headline	Sarawak lakar sejarah tersendiri		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	07 Jul 2013	Language	Malay
Circulation	29,826	Readership	97,836
Section	Sukan	Color	Black/white
Page No	11	ArticleSize	374 cm ²
AdValue	RM 771	PR Value	RM 2,313

sedang menyenarai pendek beberapa pemain untuk memperkuat pasukan ini namun saya tidak boleh mendedahkannya terlebih dahulu memandangkan kita masih mengadakan perbincangan dengan mereka yang terlibat," katanya. - Bernama

KEDUDUKAN							
	P	M	S	K	J	B	Mt
Sarawak	22	18	4	0	49	12	58
Sime Darby	22	17	3	2	51	12	54
Johor	22	14	3	5	56	21	45
Kedah	22	13	3	6	38	19	42
SABAH	22	9	3	10	42	46	30
PDRM	22	8	4	10	42	38	28
Pos Malaysia	22	7	6	9	24	28	27
UiTM FC	22	6	5	11	22	35	23
Perlis	22	6	4	12	27	42	22
SPA Putrajaya	22	5	5	12	28	39	20
Kuala Lumpur	22	4	2	16	21	58	14
NS Betaria FC	22	2	4	16	13	63	10